



Untuk Terbitan Media  
2 Oktober 2024

## **SIARAN MEDIA**

### **MANDATORI SKSPS UNTUK PENJAJA, PENIAGA BERLESEN MULAI 1 JANUARI 2025**

**KUALA LUMPUR:** Langkah mewajibkan caruman Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) dalam kalangan penjaja dan peniaga berlesen, mulai 1 Januari tahun depan bertujuan menyediakan sokongan kewangan sekiranya berlaku bencana kerja.

Berdasarkan rekod semasa bagi 2024 sehingga 31 Ogos lalu, seramai 53,901 individu mencarum SKSPS untuk sektor penjaja, dengan 189 kes tuntutan diterima dan diproses dengan pembayaran faedah keseluruhan untuk sektor terbabit mencecah RM681,174.90.

Sehubungan itu, PERKESO memaklumkan bahawa SKSPS yang dikuatkuasakan sejak Jun 2017 berupaya menjadi jaminan kewangan dan kelangsungan kehidupan dengan menyediakan perlindungan keselamatan sosial dalam jangka panjang.

“Cakna dengan keperluan menyediakan jaringan perlindungan keselamatan sosial, semua penjaja dan peniaga termasuk kios yang menjalankan aktiviti pekerjaan sendiri dikehendaki mencarum SKSPS, dengan tempoh peralihan diperuntukkan selama empat bulan.

“Langkah mandatori ini dilaksanakan menerusi Peraturan-Peraturan Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (Kadar Caruman Bagi Penjaja Atau Peniaga) 2024 yang diwartakan pada 30 Ogos 2024 melalui P.U. (A) 229 dan berkuat kuasa pada 1 September 2024.

“Individu yang mempunyai sebarang lesen atau kelulusan bagi aktiviti berhubung menjaja atau berniaga sama ada tepi jalan mahupun pasar yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa bawah Akta kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 (Sabah No. 11 1991) atau Ordinan Kerajaan Tempatan 1996 (Sarawak Bab. 20) diwajibkan membayar caruman SKSPS PERKESO di bawah sektor penjaja,” menurut kenyataan disiarkan PERKESO, hari ini.

Sektor penjaja adalah yang ketiga dijadikan mandatori untuk caruman SKSPS, selepas sektor perkhidmatan pengangkutan penumpang mulai 2017; serta sektor perkhidmatan pengangkutan dan penghantaran barangan atau makanan pada 2022.

Mengulas lanjut, PERKESO akan terus bekerjasama dengan semua unit kerajaan tempatan dan pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh negara sepanjang tempoh peralihan bagi meningkatkan kesedaran kepada peniaga serta penjaja, memandangkan mereka adalah sebahagian daripada pemacu ekonomi.

Penjaja atau peniaga yang ingin mendaftar dan membuat caruman SKSPS boleh melakukan pendaftaran dan membuat bayaran caruman menerusi beberapa saluran seperti melalui aplikasi ‘Prihatin’ di telefon pintar, 54 pejabat PERKESO seluruh Malaysia, portal MATRIX PERKESO [www.matrix.perkeso.gov.my](http://www.matrix.perkeso.gov.my), atau ejen PERKESO yang sah <https://www.perkeso.gov.my/ejen-keselamatan-sosial-pekerjaan-sendiri.html>.

**Tamat**

###

#### **Mengenai PERKESO**

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Iaitu, kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip ‘Prihatin’ dan ‘*no one left behind*’. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

**Dikeluarkan oleh:**  
**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat**  
**2 Oktober 2024**  
**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**  
**Ikliil Fatimah Kamal Redzuan**  
**+6019-7107479**  
[fatimah.redzuan@perkeso.gov.my](mailto:fatimah.redzuan@perkeso.gov.my)